



**BADAN DAKWAH DAN ROHANI
SAMT TENGKU AMPUAN RAHIMAH**

TATACARA PENGENDALIAN PIAWAI (SOP)

(LAJNAH EKONOMI)

BADAR SAMTTAR

ISI KANDUNGAN

1.0 SKOP TUGAS BERSAMA

2.0 GERAK KERJA

- 2.1 Prosedur Jual Beli Anjuran BADAR

3.0 LAPORAN BULANAN

1.0 SKOP TUGAS BERSAMA

1. Menguruskan dan menjaga hal kewangan BADAR secara sistematik dengan kerjasama Bendahari Kehormat.
2. Membuat aktiviti ekonomi seperti jualan, karnival dan sebagainya melalui kerjasama Lajnah Aktiviti dan Dakwah dan Ahlil BADAR.
 - Contoh jualan : Menyediakan produk seperti penanda buku menggunakan bahan grafik yang pernah disediakan oleh BADAR SAMTTAR, lalu menjualnya di koperasi sekolah.
3. Bekerjasama dengan bendahari untuk merancang, melaksana, dan memantau aktiviti pengurusan wang BADAR.
4. Mengenal pasti sumber sedia ada yang berpotensi untuk menjana pendapatan BADAR mengikut keutamaan dan menyediakan kertas cadangan.

2.0 GERAK KERJA

1. Jual Beli Anjuran BADAR

- Menambah pendapatan BADAR bagi mengurangkan kebergantungan BADAR terhadap yuran bulanan dan dana tambahan Ahlil BADAR
- Jualan sama ada secara :
 - ↔ Fizikal seperti membuka gerai
 - ↔ Maya seperti membuat paid review di platform media sosial BADAR

2.1 Prosedur Jual Beli Anjuran BADAR

1. Mencari produk yang sesuai untuk dipasarkan dengan nasihat daripada murabbi Lajnah Ekonomi dan AMT BADAR.
2. Membuat pengiraan untung rugi sepanjang tempoh jualan.
3. Menyemak aliran keluar masuk wang BADAR menggunakan kaedah penjadualan data.
4. Menyediakan laporan lengkap tentang jualan merangkumi aspek berikut:
 - i. Produk
 - ii. Tarikh jualan / Tempoh jualan
 - iii. Modal
 - iv. Kos
 - v. Untung bersih
 - vi. Lain-lain (sekiranya perlu)
5. Menyerahkan laporan kepada murabbi BADAR.

3.0 LAPORAN BULANAN

1. Laporan Bulanan mestilah merangkumi perkara berikut :

- i. Perkara
- ii. Laporan Ringkas
- iii. Penglibatan
- iv. Huraian dan Masalah
- v. Cadangan Penambahbaikan
- vi. Lampiran (jika ada)
- vii. Disediakan oleh (gunakan jawatan mengikut organisasi BADAR: Ketua Lajnah Ekonomi atau Penolong Ketua Ekonomi atau AJK Khas Lajnah)

2. Pada tahun 2020 & 2021, pembikinan laporan bulanan adalah daripada Ketua & Penolong Lajnah sahaja.

3. Namun, pada tahun 2022, pembikinan laporan bulanan akan dikuatkuasakan kepada AJK Khas setiap lajnah.

4. Serahkan laporan yang telah disiapkan kepada barisan Setiausaha BADAR untuk semakan.

5. Sekiranya tidak terlibat dengan apa-apa aktiviti pada bulan tersebut, anda dikecualikan dalam membuat laporan bulanan.

6. Namun begitu, laporan tetap perlu dihantar kepada barisan Setiausaha walaupun tiada apa-apa yang perlu dilaporkan untuk bulan tersebut